

Hak wakil

rakyat

terjamin

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID,
AHMAD PUAD ONAH dan
HANIZAM ABDULLAH

BH 14 JAN 1984

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 dengan menegaskan bahawa prinsip kata pemutus oleh hak wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat masih terjamin walaupun kerajaan rela bertolak ansur.

Bagaimanapun, Perdana Menteri sedih kerana penyelesaian masalah pindaan perlembagaan itu se-

kekeruhan itu mestilah dipikul oleh mereka yang sengaja mencetuskan masalah di mana sepatutnya tidak ada masalah.

"Mereka inilah yang dikatakan petualang yang ingin melihat kerajaan dan negara ini diserang dengan bermacam malapetaka," katanya. Beliau bersyukur kerana akhirnya masalah pindaan itu dapat diselesaikan dengan cara tolak ansur sepertimana semua masalah lain di negara ini.

Beliau menjelaskan, keinginan kerajaan untuk menyelesaikan masalah itu dapat dilihat daripada tawaran yang dibuat.

Pindaan itu bertujuan menghapuskan segala keraguan tentang hak Parlimen membuat undang-undang.

• Tiada keraguan

Katanya, dalam pindaan baru; Perkara 66(5) yang dikemukakan tempoh 15 hari dipinda menjadi 30 hari.

wa Yang di-Pertuan Agong memalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja berperkenankan mana-mana undang-undang yang ditulis oleh Berperlembagaan. Katanya, orang asing pun, terutama majalah-Parlimen.

"Walaupun pendapat pakar-pakar, yang jelas ialah di bawah majalah tertentu, dalam peruntukan asal Perkara 66(5), sekali mata telah diperuntukkan kepada 'royalis' dan membe-Parlimen tidak terdaya mengam-ri galakan kepada pihak-bil apa-apa langkah Yang diasas-pihak tertentu supaya kan kepada perlembagaan bagi satu krisis yang berpan-mengatasi kecangganan Yang di-jangan tercetus di Ma-Pertuan Agong memperkenankan mana-mana undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. laysia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pindaan baru yang dikemukakan itu memberi jalan yang terang untuk mengatasi apa-apa kebuntuan jika sekiranya baginda tidak ber-setuju dengan apa-apa undang-undang yang diluluskan oleh Parli-men tertakluk kepada per-untukan-peruntukan lain dalam perlembagaan yang menentukan kuasa mengikut budi bicara yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja

patutnya tercapai tanpa demonstrasi dan kekeliruan yang sedikit sebanyak mengeruhkan perhubungan rakyat dan raja.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tanggungjawab terhadap

Beliau menegaskan, yang penting ialah tidak lagi ada keraguan tentang penggunaan syarat perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk mengambil bahagian secara langsung dalam penggubalan undang-undang.

Sebaliknya, beliau berkata, ada pendapat yang menyatakan baha-

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa bukanlah menjadi niat kerajaan untuk meminda perlembagaan dengan sewenang-wenangnya. Tetapi, oleh kerana pada tahun 1983 adalah masa genap untuk meminda kawasan pilihanraya, peluang itu diambil untuk menyemak lain-lain peruntukan yang tidak tepat atau tidak kemas.

Katanya, antara peruntukan yang tidak kemas ialah Perkara 66(5) di mana tafsiran boleh dibuat bahawa Parlimen sebenarnya tidak berkuasa dan negara ini diperintah oleh raja yang mempunyai hak mutlak dan tidak tertakluk ke, pada perlembagaan.

Oleh kerana keliruan itu, timbul peristiwa-peristiwa di negeri-negeri yang mana buat satu jangka masa, kerajaan negeri memerintah di luar dari undang-undang.

"Supaya peristiwa seperti ini tidak berlaku lagi, maka Perkara 66(5) perlulah diperkemas.

Galakan

Perdana Menteri berkata, peristiwa yang beriklut daripada pindaan kepada perlembagaan yang dibuat pada bulan Julai lalu jelas menunjukkan bagaimana tidak kemasnya peruntukan Perkara 66(5) itu.

Buat beberapa bulan usaha kerajaan menggubal undang-undang terhalang, sehingga timbul soal sama ada benar atau tidak Malaysia menga-